



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**IBU PEJABAT MARITIM NEGERI SARAWAK**  
**AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA**  
**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Kompleks Maritim Tun Abang Salahuddin (KOMTAS)  
Lot 1358, Jalan Bako, Muara Tebas  
93050 KUCHING  
SARAWAK



Telefon : **082- 432500 / 432540**  
Fax : **082-432554**  
Bilik Operasi (24 Jam) : **082-432544**

Ruj Kami : APMM.W4.100-2/1/7 Jld 10(198)  
Tarikh : 03 Januari 2022

## **SIARAN MEDIA**

### **MARITIM MALAYSIA MENYERU AGAR KOMUNITI MARITIM DI PERAIRAN NEGERI SARAWAK SENTIASA BERWASPADA**

**KUCHING, 3 Januari** – Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Negeri Sarawak menyeru agar komuniti maritim di perairan negeri ini sentiasa peka akan keadaan cuaca serta keselamatan sekiranya turun ke laut oleh kerana cuaca tidak menentu ketika ini.

Pengarah Maritim Negeri Sarawak, Laksamana Pertama Maritim Zin Azman bin Md Zin berkata, Fasa Monsun Timur Laut yang bermula pada 3 November 2021 dijangka berterusan sehingga Mac 2022 menyebabkan tiupan angin yang lebih kencang beserta hujan lebat dan berterusan dari arah timur laut.

Merujuk kepada kenyataan yang dikeluarkan oleh Pihak Jabatan Metereologi Malaysia pada pagi tadi, amaran angin kencang timur laut berkelajuan 40-50kmsj dan laut bergelora dengan ketinggian ombak 3.5 meter dijangka di kawasan perairan Sarawak (Kategori pertama), di mana keadaan angin kencang dan laut bergelora ini adalah berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

Manakala untuk sektor perkapalan pula, angin kencang timur laut melebihi 60kmsj dengan ombak setinggi melebihi 4.5meter (Kategori ketiga) dijangka di kawasan perairan laut dalam di mana berbahaya kepada semua aktiviti pantai, perkapalan, menangkap ikan termasuk pekerja di pelantar minyak dan perkhidmatan feri.

Maritim Malaysia menggesa komuniti maritim agar batalkan niat ke laut pada masa ini dan sekiranya keadaan mendesak untuk ke laut, utamakan keselamatan dengan sentiasa memakai jaket keselamatan, merujuk ramalan kaji cuaca, memastikan bot/kapal dalam keadaan selamat memandangkan keadaan cuaca di laut pada masa ini yang kurang baik.

Nelayan bot kecil terutamanya disarankan untuk tidak turun ke laut buat masa ini kerana keadaan laut pada ketika ini dilihat amat merbahaya dan boleh menyebabkan kejadian ancaman nyawa dan juga harta benda.

Maritim Malaysia menyeru agar komuniti maritim bawa bersama peranti pengesan peribadi atau Personal Located Beacon (PLB) supaya membantu mempercepatkan bantuan di laut jika berlaku sebarang kecemasan di laut atau menghubungi terus talian MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Malaysia Negeri Sarawak ditalian 082-432544/ 082-432006 yang beroperasi 24 jam.

**Laksamana Pertama Maritim Zin Azman bin Md Yunus**

**Pengarah Maritim Negeri Sarawak**

**Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia**

**-TAMAT-**

---

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:-

Pegawai Perhubungan Awam

Leftenan Madya Maritim Alexcis Teo Nyelang

Tel : 013-8212024

Emel : alexcis@mmea.gov.my